



## KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (225943-T)

### OPERATOR JENTERA BERAT LANDASAN (GRED R08G12) ELEKTRIFIKASI

#### SPESIFIKASI TUGAS

- Mengendali jentera yang berteknologi tinggi dengan cekap dan mengutamakan keselamatan.
- Membuat pemeriksaan harian, mingguan dan berjadual bagi kelancaran kerja dan jentera.
- Membuat pembaikan (repair) dan membantu kerja-kerja pemulihan.
- Mengemaskinikan rekod/laporan harian, buku log, alat kelengkapan, alat ganti, penggunaan minyak dan bahan-bahan untuk keperluan jentera.
- Sedia pada bila-bila masa diarahkan bertugas terutama kerja-kerja kecemasan bagi mengelakkan gangguan operasi tren.
- Lulus ujian kecekapan memandu yang diadakan setiap dua (2) tahun oleh pihak Operasi/ MyRA.

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki menjalani latihan selama 10 minggu sebelum dilantik secara tetap. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas malam dan di mana-mana lokasi mengikut keperluan pentadbiran serta bersedia untuk ditukarkan.

#### KELAYAKAN

##### Calon Dalam

- Telah disahkan dalam jawatan;
- Berkhidmat sekurang-kurangnya 2 tahun sebagai Pemandu Troli (PK09G12); **ATAU**
- Minimum pengalaman 4 tahun dalam kerja landasan; **ATAU**
- Mempunyai Sijil Kemahiran Tahap 2 atau yang setaraf di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal/ Mekanik/Elektronik/Elektrikal;
- Mempunyai penglihatan biasa tanpa kacamata dengan ketetapan V6/6 bagi kedua-dua belah mata dan tidak buta warna;
- Mempunyai tahap kesihatan yang baik;
- Memiliki lesen memandu kelas D;
- Diperakui oleh Ketua Jabatan.

##### Calon Luaran

- Berusia 18 tahun dan ke atas tetapi tidak melebihi daripada 28 tahun pada tarikh temuduga;
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM); **DAN**
- Sijil Kemahiran Tahap 2 atau yang setaraf di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Mekanik / Elektrikal / Elektronik dari mana-mana institusi yang diiktiraf;
- Mempunyai penglihatan biasa tanpa kacamata dengan ketetapan V6/6 bagi kedua-dua belah mata dan tidak buta warna;
- Mempunyai kesihatan yang baik;
- Memiliki lesen memandu kelas D.

Pemohon yang berminat boleh mengemukakan permohonan melalui KTMB e-Recruitment di [LINK](#) tidak lewat dari 1 Julai 2022. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perancangan & Pengambilan Bakat Jabatan Modal Insan, Keretapi Tanah Melayu Berhad di 03-2263 1137.

Hanya calon – calon yang berjaya dalam senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

